

13/12/1999

Jawatan baru satu cabaran: Shariff

TASEK GELUGOR, Ahad - Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, menyifatkan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Pertanian dalam Kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu penghormatan kepada Umno dan orang Melayu di Pulau Pinang.

Beliau yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri, berkata jawatan itu adalah mencabar, tetapi beliau yakin mampu melaksanakannya dengan sebaik mungkin untuk kepentingan petani.

"Saya bukan saja berhasrat memberi perhatian memaju dan membangunkan sektor pertanian di Pulau Pinang, malah akan memberi tumpuan untuk memajukan sektor itu di negeri lain terutama dalam usaha menyelesaikan masalah tanah kosong yang terbiar," katanya.

Shariff gembira dengan pelantikan itu kerana ketika menjadi Timbalan Ketua Menteri, beliau biasa turun padang melawat kawasan pertanian dan bergotong-royong menangkap ikan yang ditenak petani dalam sawah padi.

"Walaupun sektor pertanian di Pulau Pinang dan beberapa negeri lain bertambah maju, masih ada tanah kosong belum diusahakan dan ini menjadi tanggungjawab saya untuk melaksanakannya," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Shariff gembira kerana beliau adalah pemimpin Umno kedua Pulau Pinang selepas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dipilih sebagai pemimpin pada peringkat pusat dan ini adalah penghormatan besar kepada rakyat Pulau Pinang khususnya orang Melayu.

Sementara itu, beliau berterima kasih kepada pengundi Parlimen Tasek Gelugor yang memberi sokongan kepada beliau dan calon Barisan Nasional (BN) yang lain dalam pilihan raya umum lalu.

"Saya dan wakil rakyat dalam Parlimen itu akan berusaha melaksanakan tugas untuk kepentingan pengundi pelbagai kaum terutama bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi petani.

"Saya ingin melihat petani di negara ini mempunyai semangat juang yang tinggi dan mengusahakan projek komersil bagi meningkatkan pengeluaran dan taraf hidup," katanya.

Bagaimanapun, apa yang penting, sektor berkenaan perlu dimaju dan dipermodenkan menggunakan kaedah teknologi tinggi menjelang alaf baru, katanya.

Beliau berharap ketua jabatan, agensi terbabit dan pemimpin Pertubuhan Peldang Kawasan (PPK) memberi kerjasama dalam usaha kerajaan membangunkan sektor pertanian.

Mengenai pelantikan Timbalan Ketua Menteri, beliau enggan mengulas lanjut, tetapi berharap pelantikan itu dibuat mengikut kehendak rakyat dan pemimpin komponen BN khususnya Umno.

(END)